

Angka Giliran: \_\_\_\_\_

Tempat Duduk: \_\_\_\_\_

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1990/91

Mac/April 1991

JSE 232 - MAKROEKONOMI I

Masa: [ 3 jam ]

- 
1. Pastikan kertas soalan ini mengandungi 20 halaman bercetak.
  2. Jawab soalan 1 daripada Bahagian A (80 markah) dan SATU soalan daripada Bahagian B (20 markah).
  3. Tuliskan jawapan untuk soalan-soalan Bahagian A di ruang-ruang kosong yang telah disediakan. Tuliskan jawapan untuk soalan Bahagian B di halaman-halaman kosong yang telah disediakan.
  4. Alat pengira elektronik boleh digunakan.

... 2/-

BAHAGIAN A (80 markah)

1. Jawab SEMUA soalan berikut [A - J]. Tuliskan jawapan anda di ruang-ruang kosong yang disediakan.

[A] Pertimbangkan setiap pernyataan berikut. Jika pernyataan itu BENAR, tandakan dengan huruf B di ruang kosong yang disediakan; jika pernyataan itu TIDAK BENAR, tandakan dengan huruf TB di ruang kosong yang disediakan. PERINGATAN: 0.75 markah akan ditolak bagi setiap jawapan yang salah.

(a) KDNK pada harga malar diperolehi dengan membahagikan deflator KDNK dengan nilai KDNK pada harga semasa dan didharabkan dengan 100. \_\_\_\_\_

(b) Cet. par., semakin kecil nilai kecenderungan marginal menabung, semakin kecil nilai pengganda. \_\_\_\_\_

(c) Dalam model ekonomi dua sektor,  $S = I$ , manakala dalam model 3 sektor,  $S + I = G + T$ . \_\_\_\_\_

(d) Kesan terhadap imbangan akaun semasa kerana kenaikan 1 unit eksport adalah sama dengan kesan kenaikan 1 unit perbelanjaan kerajaan. \_\_\_\_\_

(e) Kedudukan keluk IS bergantung kepada nilai stok wang nominal. \_\_\_\_\_

(f) Jika permintaan wang motif spekulatif anjal kadar bunga, keluk LM berbentuk mendatar. \_\_\_\_\_

- (g) Jika aliran modal anjal sempurna kadar bunga, keluk BP bercerun positif. \_\_\_\_\_
- (h) Pengwangian tambahan perbelanjaan kerajaan sudah pasti akan meningkatkan paras output tetapi tidak semestinya akan mengubah paras kadar bunga. \_\_\_\_\_
- (i) Pengaruh himpitan keluar tidak wujud sekiranya permintaan wang anjal sempurna kadar bunga. \_\_\_\_\_
- (j) Pensterilan ialah tindakan menentang pengaruh perubahan cadangan asing terhadap stok wang domestik. \_\_\_\_\_
- (k) Di bawah sistem kadar pertukaran tetap dan tanpa tindakan pensterilan, dasar kewangan tidak berkesan langsung untuk mempengaruhi kegiatan ekonomi. \_\_\_\_\_
- (l) Di bawah sistem kadar pertukaran fleksibel dan aliran modal anjal sempurna, tindakan kerajaan menambah perbelanjaannya tidak akan mempengaruhi paras output dalam jangka panjang. \_\_\_\_\_

(9 markah)

[B] Maklumat berikut ialah untuk sebuah negara bagi tahun 1989.

Pendapatan negara	\$77,000j
Subsidi	\$ 4,000j
Cukai tak langsung	\$ 8,000j
Penerimaan pendapatan faktor dari negara asing	\$ 2,400j
Pembayaran pendapatan faktor ke negara asing	\$ 6,400j
Imbangan akaun barangan dan perkhidmatan	\$ 0
Perbelanjaan kerajaan	\$12,000j
Eksport barangan dan perkhidmatan	\$37,700j
Pelaburan bersih	\$19,000j
Pelaburan kasar	\$22,500j
Deflator KDNK	120

Berasaskan maklumat yang diberikan di atas, carikan nilai:

- (a) Susut nilai \_\_\_\_\_
- (b) KNK (kos faktor) \_\_\_\_\_
- (c) KNK (harga pasar) \_\_\_\_\_
- (d) KDNK (harga pasar) \_\_\_\_\_
- (e) Perbelanjaan penggunaan \_\_\_\_\_
- (f) Import barangan dan perkhidmatan \_\_\_\_\_
- (g) KDNK (harga malar) \_\_\_\_\_
- (h) Kadar perubahan KDNK (harga pasar) pada tahun 1989 sekiranya KDNK (harga pasar) pada tahun 1988 ialah \$84,000j. \_\_\_\_\_

(8 markah)

... 5/-

- [C] Nilai-nilai pengganda boleh digunakan untuk menentukan nilai pengaruh perubahan pembolehubah exogenous terhadap pembolehubah endogenous. Nilai beberapa pengganda untuk model empat sektor diberikan di dalam Jadual C.1.

Andaikan pada permulaannya, kesemua pembolehubah endogenous di dalam Jadual C.2 mengambil nilai-nilai tertentu; andaikan juga bahawa imbangan belanjawan  $(B) = 0$  dan imbangan akaun semasa  $(AS) = 0$ .

Kita ingin pertimbangkan 2 kes, yang mana setiap satu menerima dua kejutan. Setelah berlakunya kejutan-kejutan ini, pembolehubah endogenous mungkin mengambil nilai yang berlainan daripada nilai asal.

Untuk setiap kes, carikan nilai PERUBAHAN BERSIH setiap pembolehubah endogenous kerana kejutan-kejutan ini.

Jadual C.1 Matrik Pengganda

ENDOGENOUS	EXOGENOUS				
	$\bar{G}$	$\bar{I}$	$\bar{X}$	$\bar{M}$	$\bar{T}$
Output (Y)	2.63	2.63	2.63	- 2.63	- 2.11
Penggunaan (C)	1.89	1.89	1.89	- 1.89	- 2.33
Hasil cukai (T)	0.26	0.26	0.26	- 0.26	0.79
Import (M)	0.53	0.53	0.53	0.47	- 0.42
Pelaburan (I)	0.26	0.74	0.26	- 0.26	- 0.21
Imbangan Akaun semasa (AS)	- 0.53	- 0.53	0.47	- 0.47	0.42
Imbangan Belanjawan (B)	- 0.74	0.26	0.26	- 0.26	0.79

Jadual C.2 Kesan Kejutan Exogenous

ENDOGENOUS	KEJUTAN	
	Kes 1	Kes 2
	(1) $\Delta \bar{X} = - 50$	(1) $\Delta \bar{G} = - 50$
	(2) $\Delta \bar{I} = + 50$	(2) $\Delta \bar{T} = + 50$
Output (Y)		
Penggunaan (C)		
Hasil cukai (T)		
Import (M)		
Pelaburan (I)		
Imbangan Akaun semasa (AS)		
Imbangan Belanjawan (B)		

(7 markah)

[D] (a) Senaraikan 4 faktor atau pembolehubah yang mempengaruhi kedudukan keluk IS.

[1] \_\_\_\_\_

[2] \_\_\_\_\_

[3] \_\_\_\_\_

[4] \_\_\_\_\_

(b) Senaraikan 3 faktor atau pembolehubah yang mempengaruhi kedudukan keluk LM.

[1] \_\_\_\_\_

[2] \_\_\_\_\_

[3] \_\_\_\_\_

(c) Senaraikan 3 faktor atau pembolehubah yang mempengaruhi kedudukan keluk BP.

[1] \_\_\_\_\_

[2] \_\_\_\_\_

[3] \_\_\_\_\_

(5 markah)

[E] Dengan ringkas, takrifkan atau jelaskan:

(a) Permintaan wang urusanniaga: \_\_\_\_\_

---

---

(b) Dasar fiskal tulen: \_\_\_\_\_

---

---

(c) Keseimbangan serentak di pasar wang dan di pasar komoditi:

---

---

---

(d) Kesan harta: \_\_\_\_\_

---

---

---

(e) Pensterilan: \_\_\_\_\_

---

---

---

(f) Kesan himpitan keluar: \_\_\_\_\_

---

---

---

(6 markah)

... 9/-



- [G] Keadaan sebuah ekonomi terbuka yang mengamalkan sistem kadar pertukaran tetap mempunyai ciri-ciri berikut: permintaan wang anjal kadar bunga; pelaburan anjal kadar bunga; dan tiada aliran modal. Dengan bantuan rajah yang sesuai, analisis kesan kejutan yang berpunca dari luar negeri terhadap keseimbangan keseluruhan ekonomi negara ini.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

(9 markah)

- [H] Rajah H menggambarkan keadaan keseimbangan ekonomi pada masa ini di sebuah negara yang mengamalkan sistem kadar pertukaran tetap. Setujukah anda dengan pernyataan berikut:

Keseimbangan keseluruhan di tahap output  $y^{**}$  boleh dicapai melalui penggunaan dasar fiskal sahaja.

Jelaskan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---


---

---

---

Rajah H

(9 markah)



[I] Rajah I menggambarkan keadaan keseimbangan ekonomi pada masa ini di sebuah negara yang mengamalkan sistem kadar pertukaran fleksibel. Setujukah anda dengan pernyataan berikut:

Keseimbangan keseluruhan di tahap output  $y^{**}$  boleh dicapai melalui penggunaan dasar kewangan sahaja.

Jelaskan.

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---


---

---

---

Rajah I

(9 markah)



[J] Pertimbangkan Rajah J.1 (KES I) dan Rajah J.2 (KES II). Rajah-rajah berkenaan menunjukkan keadaan keseimbangan asal dan sistem kadar pertukaran yang diamalkan. Untuk setiap kes, anda diminta:

- (a) Wakilkan kejutan di dalam rajah berkenaan dengan melukiskan keluk-keluk baru sekiranya keluk-keluk berganjak kerana kejutan ini dan kerana tindakan-tindakan pasar akibat daripada kejutan asal ini.
- (b) Bagi setiap pembolehubah yang disenaraikan di dalam lajur pertama di dalam jadual di bawah, bandingkan nilai keseimbangan baru (iaitu setelah keseimbangan akhir dicapai) dengan nilai keseimbangan asal. Jika nilai baru melebihi, sama atau kurang daripada nilai asal, tandakan +, = atau - di tempat-tempat kosong yang berkenaan.

PERHATIAN: Markah tidak akan diberikan sekiranya soalan (a) tidak dijawab.



Markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

RAJAH J.1 (KES I)

RAJAH J.2 (KES II)

SISTEM : e tetap;  
tiada pensterilan.  
KEJUTAN: Permintaan wang  
meningkat.

SISTEM: e fleksibel  
KEJUTAN: Insentif pelaburan  
dipertingkatkan



PEMBOLEHUBAH	KES I	KES II
Y [output]		
r [kadar bunga]		
J (exogenous) [suntikan]		
T = f(Y); [hasil cukai]		
W = f(r); [bocoran]		
G (exogenous) [perbelanjaan kerajaan]		
X (exogenous) [eksport]		
M = f(y); [import]		
I = f(r); [pelaburan]		
M* (exogenous); [stok wang]		
m(s) = f(r); [permintaan wang spekulatif]		
m(t) = f(Y); [permintaan wang urusniaga]		
AS = f(Y); [akaun semasa]		
AM = f(r); [akaun modal]		
BP = AM + AS ; [imbangan pembayaran]		
B = f(Y); [kedudukan belanjawan kerajaan]		
e [kadar pertukaran] @		

@ Andaikan pada permulaanya  $e = M\$4/US\$1$ ; tandakan - jika nilai baru  $e > M\$4/US1$ , + jika  $e < M\$4/US1$  dan 0 jika  $e = M\$4/US1$ .

(10 markah)

... 15/-

## BAHAGIAN B (20 markah)

Jawab SATU soalan sahaja. Tuliskan jawapan anda halaman-halaman kosong yang disediakan (mukasurat 16 - mukasurat 20).

2. "Pelaburan swasta akan dipengaruhi sekiranya tambahan perbelanjaan kerajaan tidak dituruti dengan tambahan stok wang". Setujukah anda dengan pernyataan ini? Jelaskan.

(20 markah)

3. Jelaskan mengapa di dalam sesetengah keadaan dasar fiskal amat berkesan untuk mengawal kegiatan ekonomi manakala di dalam sesetengah keadaan lain pula dasar fiskal tidak berkesan langsung untuk mempengaruhi kegiatan ekonomi.

(20 markah)

4. Jelaskan mengapa di dalam sesetengah keadaan dasar kewangan amat berkesan untuk mengawal kegiatan ekonomi manakala di dalam sesetengah keadaan lain pula dasar kewangan tidak berkesan langsung untuk mempengaruhi kegiatan ekonomi.

(20 markah)

5. Pilih SATU daripada kejutan berikut dan perincikan kesan-kesannya terhadap pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan di sebuah negara yang mengamalkan sistem kadar pertukaran fleksibel dan aliran modal anjal sempurna kadar bunga:

- (a) Kenaikan output dunia.  
(b) Pengurangan perbelanjaan kerajaan.

(20 markah)

6. Pilih SATU daripada kejutan berikut dan perincikan kesan-kesannya terhadap pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan di sebuah negara yang mengamalkan sistem kadar pertukaran tetap dan aliran modal anjal sempurna kadar bunga:

- (a) Kenaikan kadar bunga di negara-negara asing.  
(b) Pelabur-pelabur semakin optimistik dalam jangkaan mereka terhadap kegiatan ekonomi pada masa hadapan.

(20 markah)

.... 16/-

Soalan no.: \_\_\_\_\_

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---

---



Blank lined area for writing.

Blank lined area for writing.

